

01 FEB 1999

Mahathir-Cukai

KEPUTUSAN CUKAI KELUAR DALAM TEMPOH BEBERAPA MINGGU, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Kerajaan akan memutuskan sama ada melaksanakan atau tidak cukai keluar dalam tempoh beberapa minggu ini bagi membolehkan penghantaran pulang lebih awal modal asing, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamd di sini, hari ini.

"Kita akan mengkaji pelbagai perkara termasuk melaksanakan cukai keluar bagi mempercepatkan pelabur asing membawa keluar modal yang telah mereka bawa kemungkinan awal daripada 1 Sept tahun ini," katanya.

Malaysia memperkenalkan penangguhan sementara terhadap penghantaran balik modal daripada pelaburan ekuiti sejak 1 Sept tahun lepas sebagai langkah mestabilkan pasaran saham.

Selepas 1 Sept, pelabur bebas membawa keluar wang mereka.

Ditanya sama ada cadangan melaksanakan cukai keluar itu akan menjadi kenyataan, beliau berkata: "kita tidak pasti setakat ini, kerana ia bergantung kepada kajian oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan cadangannya kepada kerajaan."

Bagaimanapun, "cukai keluar itu haruslah memihak kepada kita (Malaysia) dan mereka (pelabur asing)," katanya pada persidangan berita di Lapangan terbang Antarabangsa KL di Sepang sekembalinya ke tanah air pagi ini selepas menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland.

Ketibaan beliau disambut oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan orang kenamaan lain.

Sejak kebelakangan ini, jangkaan semakin kuat bahawa kerajaan akan mengenakan cukai keluar bagi memberi kelonggaran kepada orang asing menghantar pulang wang mereka lebih awal daripada penangguhan sementara selama setahun.

Ditanya jumlah tabungan asing yang akan keluar, beliau berkata ada kemungkinan banyak wang yang akan keluar, "tetapi saya tidak fikir ia akan berlaku begitu."

"Banyak yang akan masuk, bukannya keluar," katanya memberi bayangan bahawa KLSE berpotensi untuk kembali melalui hari-hari gemilangnya dan menjadi sebuah pasaran ekuiti serantau yang menarik untuk pelaburan.

Sebagai kesan kepada langkah tabungan asing itu tidak dibawa keluar dari Malaysia, beliau berkata ia kira-kira 23 peratus daripada pemodal pasaran berjumlah RM300 bilion, yang dianggarkan kira-kira RM69 bilion.

"Itu sudah banyak," katanya sambil menjelaskan bagaimanapun "apa yang mereka bawa masuk adalah kurang daripada 23 peratus, tetapi memandangkan pasaran telah melonjak tentunya pegangan mereka lebih banyak."

Perdana Menteri juga berkata kerajaan "masih belum lagi pasti bagaimana untuk mengendalikan modal yang dibawa masuk dan keuntungan atau tambahan modal yang diperolehi mereka di sini."

Ditanya mengenai faedah daripada cukai keluar, beliau berkata: "bila kita kenakan cukai keluar, kita akan mendapatkan sedikit wang daripada tabungan yang dibawa keluar itu.

"Tetapi jika kita tunggu sehingga tempoh setahun itu, mereka boleh membawa keluar tabungan itu tanpa membayar apa-apa kepada kita," katanya.

Ketika ditanya apakah kritikan terhadap tindakan drastik yang diambil oleh Malaysia bagi melindungi ekonominya, beliau berkata: "sebenarnya, mereka (pengurus dana asing) tidak faham apa yang di maksudkan dengan kawalan matawang di Malaysia.

"Mereka sangka bahawa kawalan itu bermakna kita tidak benarkan langsung

duit masuk atau keluar Malaysia, tetapi apabila dijelaskan bahawa tidak ada sekatan kepada duit asing masuk atau keluar, mereka faham," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau memberitahu mereka bahawa sekatan hanya dikenakan terhadap ringgit Malaysia dan segala urusan perniagaan tidak terganggu serta pelaburan boleh dibuat di Malaysia.

"Tetapi pelaburan dalam pasaran saham, kalau dibawa masuk modal, ianya kena berada di Malaysia untuk setahun.

"Itu yang mulanya mereka tidak faham, tetapi setelah mereka faham, terutama pengurus dana dan bank asing, mereka tidak memikirkan bahawa langkah itu terlalu ketat."

Perdana Menteri berkata apa yang menjadi masalah ialah media dan penganalisis ekonomi yang mengulangi perkara yang sama dan tidak mahu mengiktiraf langsung apa yang dilakukan oleh Malaysia.

Mereka membuat jangkaan bahawa tindakan berkenaan akan merosakkan ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang, katanya.

"Tetapi apabila kita sebut tentang China yang sudah mengadakan sekatan sejak lama, ekonominya tumbuh dengan pesat, mereka tiada komen.

"Kini perkara ini lebih difahami dan dihargai serta lebih banyak sokongan supaya diadakan sedikit kawalan atau pengawalan terhadap perdagangan matawang, ramai yang menyebut akan perlunya bagi kawalan matawang," katanya sambil menjelaskan bahawa Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew turut menyentuh tentang perkara kawalan ini dan ramai yang menyokong rangka kawalan matawang sebegini."

"Yang tidak menyebut mengenai kawalan matawang selalunya sebut perlu ada ketelusan dalam urusan kewangan negara yang terlibat, tetapi apabila ditanya bahawa adakah dagangan matawang itu telus, nampaknya mereka malu.

"Ini adalah kerana mereka meminta orang lain telus, mereka sendiri tidak telus."

Apabila ditanya cadangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengadakan satu panel bagi satu rangka kewangan yang baru, Dr Mahathir berkata mereka cuma bercadang tetapi mereka tidak faham apa yang perlu dibuat.

"Nampaknya, tidak satu pun boleh dibuat," kata beliau.

Dr Mahathir kata beliau telah menerangkan bahawa apa yang perlu ialah "urusan matawang mestilah terbuka, ia seharusnya diadakan di tempat tertentu dengan laporan yang jelas supaya kita dapat tahu siapa yang berniaga, jumlahnya, matawang apa dan negara mana."

Beliau juga menekankan bahawa bank tidak harus memberi hutang yang begitu banyak sehingga 200 ratus kali ganda modal bagi dana lindungnilai memadailah dengan hanya satu atau dua kali ganda.

Dengan itu, dana lindungnilai tidak akan mempunyai terlalu banyak wang untuk membeli dan menjual matawang asing sehingga menguasai dan berupaya menyebabkan ketidakstabilan di pasaran matawang.

-- BERNAMA

MR/HS LAT RON